

**KAJIAN TERHADAP PENERIMAAN SENI PERSEMBAHAN DONDANG SAYANG  
DI DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUDA DI MELAKA**

FYP FTKW

SITI ZAHIRA BT SULONG@ZAKARIA

UNIVERSITI

---

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

MALAYSIA

---

KELANTAN

2022



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP PENERIMAAN SENI PERSEMBAHAN DONDANG SAYANG DI  
DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUDA DI MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SITI ZAHIRA BT SULONG@ZAKARIA**

**NO. MATRIK: C18A0428**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**MALAYSIA**

**KELANTAN**

2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

**zahira**

Tandatangan

TARIKH: 20/2/2022

Disahkan oleh:

ASSOC. PROF. PM KHAIRIL ANWAR DEAN  
Senior Lecturer  
Faculty of Creative Technology And Media  
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok Campus  
Locked Bag No/1, 65000 Bachok,  
Kelantan, Malaysia

Tandatangan Penyalia

NAMA:PM KHAIRIL ANWAR

DEAN BIN HAJI KAMARUDIN

TARIKH: 22/2/2022

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya Kehadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya memberikan saya kesempatan bagi menyiapkan tugas Projek Penyelidikan ini dengan jayanya serta dilaksanakan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih kepada penyelaras bagi kursus ini iaitu Puan Nur Athmar Binti Hashim kerana memberi penerangan yang jelas mengenai kursus ini serta penyelia iaitu Prof Madya Khairil Anwar Dean Bin Kamarudin dimana beliau yang telah banyak membantu sepanjang proses tugas ini disiapkan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah banyak mencetuskan idea kepada saya sepanjang proses penyiapan tugas ini

Saya berharap agar kerjasama dan sokongan yang telah diberikan akan membuahkan hasil di masa hadapan dengan harapan akan beroleh kejayaan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	
<b>BAB 1      PENGENALAN</b>	<b>1-13</b>
1.0 PENGENALAN	1-2
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	3-5
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	6-7
1.3 PERSOALAN KAJIAN	8
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	9
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	10-11
1.6 SKOP KAJIAN	12
1.7 RUMUSAN BAB	13
<b>BAB 2      KAJIAN LITERATUR</b>	<b>14-18</b>
2.1 PENGENALAN	14
2.2 DEFINISI TERMA	14-15
2.3 KAJIAN LEPAS DONDANG SAYANG	16-17
2.4 RUMUSAN BAB	18
<b>BAB 3      METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>19-21</b>
3.0 METODOLOGI KAJIAN	19
3.1 KAEDAH SOAL SELIDIK	20
3.2 KAEDAH PERPUSTAKAAN	20
3.3 KAEDAH TEMU BUAL	20
3.4 RUMUSAN BAB	21
<b>BAB 4      DAPATAN KAJIAN</b>	<b>22-54</b>
4.0 PENGENALAN	22
4.1 KAEDAH TEMU BUAL	22-23

4.2 KAEDAH SOAL SELIDIK	24-54	
4.2.1 BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN	24-28	
4.2.2 BAHAGIAN B: SEJAUH MANA PENGETAHUAN MASYARAKAT MUDA DALAM SENI PERSEMBAHAN DONDANG SAYANG.	29-48	
4.2.3 BAHAGIAN C: MENGENALPASTI LANGKAH YANG TERBAIK DALAM MENARIK MINAT MASYARAKAT MUDA DALAM MENERUSKAN PERSEMBAHAN DONDANG SAYANG.	49-56	
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>57-60</b>
5.0 PENGENALAN		57
5.1 PERBINCANGAN		57-58
5.1.1 PENGETAHUAN MASYARAKAT MUDA DALAM SENI PERSEMBAHAN DONDANG SAYANG.		57
5.1.2 LANGKAH YANG TERBAIK DALAM MENARIK MINAT MASYARAKAT MUDA DALAM MENERUSKAN PERSEMBAHAN DONDANG SAYANG		58
5.2 CADANGAN		58-59
5.2.1 DIDEHAHKAN KEPADA KEKAYAAN WARISAN BUDAYA.		58-59
5.2.1 PERLU DITERAPKAN MELALUI LATIHAN.		59
5.3 KESIMPULAN		59-60
<b>RUJUKAN</b>		<b>61</b>

## Abstrak

Kajian ini telah dijalankan untuk mengenalpasti punca atau sebab mengapa masyarakat muda kurang berminat dalam seni persembahan Dondang Sayang. Seterusnya, untuk mengkaji sejauh mana ilmu pengetahuan masyarakat muda dalam seni persembahan Dondang Sayang dan mengenalpasti langkah yang terbaik dalam menarik minat masyarakat muda dalam meneruskan legasi seni persembahan Dondang Sayang. Pengkaji juga turut menggunakan dua kaedah dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif yang melibatkan temubual bersama mereka yang terlibat dan kaedah yang kedua ialah kaedah kuantitatif iaitu kaedah yang melibatkan pengedaran borang soal selidik. Oleh hal demikian, hasil dapatan daripada kajian ini, diharap dapat dijadikan sebagai panduan untuk kajian pada masa akan datang.

## Abstract

This study was conducted to identify the cause or reason why young people are less interested in the performing arts of Dondang Sayang. Next, to study the extent of knowledge of the young community in the performing arts of Dondang Sayang and identify the best steps in attracting the interest of the young community in continuing the legacy of the performing arts of Dondang Sayang. Researchers also use two methods in this study, namely the qualitative method that involves interviews with those involved and the second method is the quantitative method that is the method that involves the distribution of survey form. Therefore, the findings from this study, hopefully can be used as a guide for future studies

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan.

Seni persembahan Dondang Sayang sudah menjadi perkara yang tidak asing lagi di dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini dikatakan kerana Dondang Sayang merupakan sebahagian daripada muzik masyarakat Melayu. Dondang Sayang adalah sejenis nyanyian atau balada cinta yang berfungsi untuk menyampaikan perasaan kasih sayang mereka oleh masyarakat pada zaman dahulu. Keunikkan nyanyian Dondang Sayang ini adalah bukan ia dinyanyikan seperti biasa tetapi ia dinyanyikan secara berbalas berpantun secara spontan oleh mereka yang menyanyikannya. Di Malaysia, Dondang Sayang ini lebih terkenal di Negeri Melaka atau lebih dikenali sebagai negeri bersejarah. Rata-rata masyarakat di negara ini mengatakan Dondang Sayang berasal dari Negeri Melaka

Dikatakan Dondang Sayang ini telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke -15 lagi. Persembahan Dondang Sayang ini dicipta untuk menjadi hiburan atau untuk menghiburkan para pedagang dimana mereka telah singgah di Melaka untuk berniaga barang dagangan mereka. Selain itu, pada zaman dahulu juga, Dondang Sayang ini digunakan untuk memeriahkan lagi majlis-majlis perkahwinan.

Terdapat beberapa alat muzik yang digunakan dalam persembahan ini. Antaranya ialah sebuah biola, tiga buah rebana dan sebuah gong. Kebiasannya, ketua yang memulakan persembahan ini disandang oleh mereka yang bermain biola dimana selain tugasnya sebagai ketua, mereka juga bertugas untuk melontarkan melodi ketika persembahan sedang



berlangsung. Seni persembahan ini kualitasnya bergantung kepada kecekapan penyanyi tersebut dalam urusan berjual beli pantun.

Namun pada masa kini, terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku dalam Dondang Sayang seperti dari segi persembahan alat muzik dan iramanya. Hal ini kerana mengikuti perkembangan masyarakat terkini serta ingin mengekalkan warisan tersebut sehingga ke generasi yang akan datang.

## 1.1 Latar Belakang Kajian.

Malaysia mempunyai pelbagai kaum, etnik dan agama dimana hal ini telah menghasilkan pelbagai kebudayaan dari segi seni persembahan seperti tarian naga, silat dan lain-lain. Hal ini juga termasuk seni persembahan *dondang sayang* yang amat terkenal di negeri bersejarah iaitu negeri Melaka. *Dondang sayang* ini merupakan persembahan balada Melayu tradisional. Persembahan ini mempunyai empat orang ahli dimana seorang ahli bermain biola, dua pemain bermain rebana dan seorang bermain tawak atau gong kecil. *Dondang Sayang* merupakan nyanyian balada cinta yang menghiburkan serta melucukan kerana liriknya dinyanyikan secara spontan dan berbalas pantun sesama mereka.

Selain itu, menurut Ahmad (2007), beliau telah menyatakan bahawa *Dondang Sayang* ini telah wujud di Melaka semenjak tertubuhnya pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Perkara ini telah ditulis di dalam buku beliau yang bertajuk “*Dondang Sayang Seni Tradisi Negeri Melaka*”. Keunikkan atau kekuatan *Dondang Sayang* ini terletak pada orang yang menyampaikan pantun tersebut secara bijak. Mereka boleh menyampaikan *Dondang Sayang* ini dalam bentuk kiasan, budi, sindiran dan kasih. Hal ini telah dilakukan pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah dimana nyanyian *Dondang Sayang* ini dipersembahkan kepada pedagang-pedagang yang datang berniaga di Melaka pada waktu itu dan tujuan persembahan ini dilakukan adalah untuk menghiburkan mereka. Nyanyian *Dondang Sayang* ini juga bukan sahaja dinyanyikan oleh masyarakat Baba Nyonya tetapi turut menarik minat masyarakat Singapura dan Indonesia terutamanya bagi mereka yang datang dari Sumatera.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan Dondang Sayang ini mempunyai maksudnya yang tersendiri. Bagi perkataan Dondang, ia membawa maksud nyanyian manakala Dondang Sayang membawa maksud nyanyian yang diulit kasih. Dondang Sayang ini telah dibawa masuk oleh masyarakat Baba Nyonya untuk dijadikan sebagai bentuk hiburan pada zaman tersebut. Persembahan ini wujud untuk meluahkan perasaan kasih di dalam bentuk pantun klasik masyarakat Melayu Melaka. Ia berbentuk hiburan kerana cara untuk menyampaikannya adalah secara spontan yang dipenuhi dengan gaya lucu dan santai dimana sikap ini telah sebatikan dalam masyarakat Baba Nyonya.

Dondang Sayang ini boleh dipersembahkan melalui dua cara iaitu sama ada dipersembahkan secara solo atau dipersembahkan secara berpasangan dimana Dondang Sayang ini dinyanyikan oleh lelaki dan wanita. Hal ini demikian kerana untuk mencipta keharmonian dalam nyanyian kerana lirik nyanyian Dondang Sayang ini adalah berasaskan pantun. Menurut tokoh-tokoh Dondang Sayang Negeri Melaka (2007, m.s 7), persembahan Dondang Sayang ini menggunakan pantun kerana ia merupakan senikata alat dan lagu yang mampu menyampaikan maksud tersirat yang terdapat dalam lirik berbentuk pantun tersebut.

Dondang Sayang ini telah dibahagikan kepada beberapa jenis. Menurut Ahmad Usop 1940, seni Dondang Sayang seni tradisi Negeri Melaka mengatakan bahawa Dondang Sayang ini terdapat empat jenis iaitu Dondang Sayang Melaka, Dondang Sayang Baba Peranakan, Dondang Sayang Tanjung Penyengat dan Dondang Sayang Pulau Pinang. Mempunyai pendapat yang berbeza mengenai kewujudan Dondang Sayang telah menyebabkan beberapa klasifikasi tentang asal usul Dondang Sayang ini.

Untuk pendapat pertama, Dondang Sayang ini telah muncul pada abad ke-15 dimana pada Ketika itu, Melaka telah menjalin hubungan luar secara meluas yang telah melibatkan hubungan diplomatik dan dagangan. Melalui hubungan yang terjalin ini, telah mewujudkan seni muzik yang bercorak hiburan yang dikenali sebagai Dondang Sayang. Terdapat salah satu bukti yang menunjukkan Dondang Sayang ini berasal dari Melaka ialah melalui lirik atau pantun yang digunakan yang mengisahkan tentang Negeri Melaka.

Bagi pendapat kedua pula, dikatakan Dondang Sayang berasal dari Pulau Sebang Tampin, Melaka pada tahun 1400 sehingga tahun 1510 masihi. Hal ini dikatakan kerana lawatan Datuk Temenggung yang telah datang ke Pulau Sebang. Oleh hal demikian, Dondang Sayang telah dicipta pada tempat dan waktu itu untuk menghargai serta mengalu-alukan kedatangan Datuk Temenggung dan rombongannya. Namun begitu, persembahan Dondang Sayang pada waktu itu tidak mempunyai struktur yang tidak tetap kerana persembahan itu dilakukan hanyalah untuk memeriahkan majlis pada waktu tersebut.

Untuk pendapat terakhir atau pendapat ketiga, Dondang Sayang memang secara asalnya dari Melaka disebabkan kedatangan Portugis pada tahun 1500 Masihi. Kedatangan Portugis telah mewujudkan gabungan dua negara iaitu Timur dan Barat dalam seni persembahan Dondang Sayang. Hal ini dikuatkan lagi dengan penggunaan alat muzik biola yang berasal dari Portugis yang digunakan dalam persembahan tersebut.

Namun begitu, pada hari masa kini, Abas Katan telah menyatakan di dalam Kosmo tahun 2010, bahawa Dondang Sayang ini telah diubah dari segi irama. Hal ini demikian kerana irama Dondang Sayang pada masa kini lebih ke arah kemodenan. Hal ini dapat dilihat pada rentaknya yang telah ditambah. Jika dibandingkan dengan zaman dahulu, Dondang Sayang menggunakan irama lama dan klasik dan lentok Dondang Sayang pada

zaman dahulu lemah gemalai. Namun pada masa kini, rentaknya telah ditambah dengan rentak zapin, inang, mambo dan joget sekaligus menjadikan Dondang Sayang telah diubah kepada lama kepada moden.

## **1.2 Permasalahan Kajian.**

Permasalahan kajian ini merupakan sesuatu isu yang boleh diperoleh daripada kajian ini. Disebabkan persembahan Dondang Sayang ini menggunakan lirik pantun, ia telah menjadi satu simbol atau identiti kepada mereka yang mempunyai minat yang mendalam di dalam Dondang Sayang ini. Oleh hal demikian, terdapat beberapa permasalahan kajian yang telah timbul di dalam kajian.

Antaranya adalah masyarakat muda pada masa kini tidak bersungguh-sungguh dalam menguasai pembelajaran yang berkaitan dengan sastera seperti pantun, kiasan, puisi dan lain-lain. Hal ini demikian kerana mereka tidak mempunyai semangat yang tinggi di dalam mempelajari perkara tersebut. Tidak mempunyai minat juga turut menjadikan mereka sukar untuk bersungguh-sungguh dalam mempelajari subjek yang berkaitan dengan pantun, sastera dan sebagainya. Mereka beranggapan bahawa ia bukan satu perkara yang penting untuk dipelajari.

Selain itu, sesetengah masyarakat tua juga tidak mengendahkan budaya tradisional yang ada dimana mereka tidak mendedahkan ilmu tersebut kepada anak cucu mereka menjadikan mereka kurang berpegetahuan. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat tua pada masa kini kurang didedahkan dengan perkara sebegini oleh keluarga mereka

menjadikan mereka turut tidak berminat dalam memperkenalkan tradisi tersebut kepada generasi muda seperti anak cucu mereka sendiri.

Seterusnya, cara yang terbaik yang perlu dilakukan dalam mempromosikan Dondang Sayang ini kepada golongan muda. Hal ini demikian kerana ia perkara yang agak sukar untuk dilakukan kerana kebanyakan anak muda kurang gemar dan minat terhadap perkara yang berkaitan dengan tradisional dan klasik.

### 1.3 Persoalan Kajian.

Perkara di bawah merupakan persoalan kajian yang telah timbul di dalam kajian ini:

1. Apakah yang menjadi sebab anak muda pada masa kini tidak berminat untuk mempelajari seni persembahan dondang sayang.
2. Bagaimanakah ilmu pengetahuan tentang seni persembahan dondang sayang dalam kalangan masyarakat muda pada masa kini.
3. Apakah cara yang terbaik untuk menarik minat masyarakat muda untuk memperkembangkan seni persembahan dondang sayang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 1.4 Objektif Kajian.

Beberapa objektif kajian telah digunapakai ketika kajian ini dilakukan:

1. Mengenalpasti sebab yang menyebabkan masyarakat muda kurang berminat dalam perkara yang berkaitan dengan seni persembahan tradisional seperti dondang sayang.
2. Mengkaji sejauh mana ilmu pengetahuan masyarakat muda dalam seni persembahan dondang sayang.
3. Mengenalpasti langkah yang terbaik dalam menarik minat masyarakat muda dalam meneruskan seni persembahan dondang sayang.



## **1.5 Kepentingan Kajian.**

Kajian ini dilakukan kerana ia mempunyai beberapa kepentingan kepada beberapa pihak yang terlibat. Hal ini demikian kerana, Dondang Sayang merupakan warisan negara yang patut dijaga dan dilindungi agar tidak lupur dek zaman. Berikut merupakan beberapa kepentingan kajian.

### **1. Dari segi pelancongan.**

Hal ini demikian kerana, Dondang Sayang mempunyai keunikannya yang tersendiri yang mampu menarik minat pelancong luar untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut. Salah satu keunikkan persembahan Dondang Sayang ini ialah dari segi liriknya yang menggunakan pantun. Hal ini sekaligus dapat menarik minat pelancong dari negara luar untuk datang melihat sendiri bagaimana Dondang Sayang ini dinyanyikan. Kedatangan pelancong luar ini telah memberi sumbangan yang besar kepada sektor pelancongan Negeri Melaka.

### **2. Persatuan Dondang Sayang.**

Hal ini demikian kerana, persatuan ini telah bersungguh-sungguh dalam mempertahankan Dondang Sayang agar terus aktif di bumi Melaka.

Persatuan ini juga berfungsi dalam menarik minat generasi muda dalam mempelajari Dondang Sayang ini kerana generasi muda merupakan perantis dalam menyambung legasi ini agar terus hidup.

### 3. Terhadap pengkaji.


Kajian yang dilakukan ini sangat penting kerana ia mampu menjadi rujukan kepada pengkaji lain dalam mengkaji berkenaan dengan Dondang Sayang dengan lebih mendalam.



## 1.6 Skop Kajian.

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada masyarakat di Bandaraya Melaka terutamanya masyarakat muda dalam lingkungan 15 hingga 35 tahun. Hal ini dilakukan untuk melihat sejauh mana pengetahuan mereka dalam seni persembahan dondang sayang. Lokasi tersebut dipilih kerana ia merujuk kepada objektif kajian dimana pengkaji menyasarkan golongan muda dan kebanyakan anak muda berada disekitar kawasan berkenaan.

Selain itu, perpustakaan Negeri Melaka menjadi tempat pengkaji untuk mencari maklumat tambahan yang berkaitan dengan Dondang Sayang seperti buku, jurnal atau majalah. Skop kajian ini juga memberi fokus kepada sebab yang menjadikan golongan muda kurang berminat dalam perkara-perkara yang membabitkan sesuatu yang tradisional padahal ia merupakan salah satu warisan negara yang patut dibanggakan.



RAJAH 1: Peta Lokasi Bandaraya Melaka

### 1.7 Rumusan Bab.

Kesimpulannya, Dondang Sayang ini merupakan satu perkara yang sangat penting untuk dipertahankan kerana ia menjadi identiti kepada masyarakat Baba Nyonya. Golongan muda pula perlu bertindak untuk mempelajarinya kerana generasi muda merupakan perantis dalam menyambung warisan negara agar tidak luput dek zaman serta Dondang Sayang ini sangat istimewa kerana ia telah diperturunkan secara turun-temurun serta amat popular di Negeri Melaka. Terdapat banyak lagi kepentingan dan keunikan yang terdapat di dalam seni persembahan ini yang perlu ditonjolkan kepada generasi baru.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan.**

Bab ini akan membincangkan mengenai kajian-kajian lepas tentang Dondang Sayang yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Pengkaji akan mendapatkan maklumat sebanyak yang mungkin daripada pelbagai sumber seperti mendapatkan maklumat daripada penerbitan online.

#### **2.2 Definisi Terma.**

##### **a) Seni Persembahan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan seni ini membawa maksud karya seperti muzik, sajak, lukisan dan lain-lain yang dihasilkan atau dicipta menggunakan bakat yang ada. Selain itu, seni merupakan satu jalan keluar yang memaparkan ekspresi manusia yang mana telah dipengaruhi oleh budaya serta budaya tersebut akan diubah mengikut kreativiti manusia. Bagi perkataan persembahan pula, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ia bermaksud hadiah yang diberikan kepada mereka yang tinggi martabatnya seperti raja. Persembahan juga bermaksud sesuatu yang ditunjukkan seperti permainan, filem, pementasan atau lakonan yang diiringi oleh muzik. Seterusnya, menurut Lisa S. Wainwright, perkataan seni persembahan ini memberi maksud merupakan bentuk seni yang berdasarkan masa dimana ia menampilkan persembahan secara langsung yang dilakukan di hadapan penonton seperti lakonan, nyanyian, puisi atau muzik.

**b) Dondang Sayang**

Perkataan Dondang Sayang ini merupakan gabungan daripada dua istilah iaitu Dondang dan Sayang. Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan perkataan “Dondang” ini membawa maksud nyanyian atau lagu yang menghiburkan hati dimana ia dinyanyikan oleh dua orang secara berbalas-balas pantun manakala perkataan “Sayang” pula lebih merujuk kepada perlakuan iaitu perlakuan yang lemah-lembut dan mesra.

Menurut Ahmad (2004), Dondang Sayang merupakan sejenis nyanyian atau balada cinta yang sering digunakan oleh masyarakat pada zaman dahulu untuk menyampaikan isi hati mereka dengan cara berbalas pantun.

**c) Masyarakat muda**

Di dalam Kamus Edisi Keempat, perkataan masyarakat membawa erti kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat atau kawasan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Perkataan muda pula bermaksud manusia yang tidak tua atau masih remaja yang sesetengah daripada mereka masih mentah.

### 2.3 Kajian Lepas mengenai Dondang Sayang

Keratan berita daripada laman web MelakaKini yang bertajuk “Dondang Sayang Hiburan sepanjang zaman” telah menyatakan bahawa Dondang Sayang ini telah wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 dimana persembahan ini telah mendapat tempat di ribuan hati masyarakat sehingga kini. Dondang Sayang ini merupakan nyanyian perantaraan yang mana persembahan ini akan diiringi oleh alat muzik Melayu asli dan moden. Selain itu, ia turut menyatakan bahawa gaya persembahan Dondang Sayang ini adalah tidak formal dan lirik lagu tersebut berdasarkan puisi cinta.

Seterusnya, berdasarkan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia mengenai Dondang Sayang yang ditulis oleh Haji Mohd Yasin Ahmad telah menyatakan bahawa apabila menyebut perkataan “Sayang” ia membawa erti kasih yang membawa erti geraklaku yang mempunyai kelembutan yang penuh dengan kemesraan. Secara tidak langsung, perkataan Dondang Sayang ini memberi erti Lagu Kasih atau Nyanyian Kasih dimana ia merupakan salah satu cara untuk menyampaikan apa yang tersirat di dalam hati seseorang dengan menggunakan gaya yang lembut dan penuh dengan kemesraan.

Di samping itu, disebabkan berlakunya peredaran zaman, Dondang Sayang ini telah mengalami sedikit perubahan. Hal ini telah dilaporkan di dalam keratan akhbar Kosmo (2011) dimana menurut Abas Katan bahawa irama Dondang Sayang ini telah mengalami perubahan. Jika dibandingkan, Dondang Sayang pada zaman dahulu menggunakan irama lama tetapi bagi Dondang Sayang pada zaman ini, mereka telah mengubah iramanya mengikut irama yang baru serta menggunakan rentak zapin, Inang dan juga joget.

Menurut Ahmad (1984) telah menyatakan di dalam buku “Dondang Sayang Seni Tradisi Negeri Melaka” bahawa Dondang Sayang ini telah wujud sejak dari zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka iaitu pada abad ke-15. Selain itu, menurut buku tersebut, asal-usul pencipta Dondang Sayang ini masih menjadi tanya sehingga ke hari ini. Daripada kajian tersebut telah menunjukkan bahawa Dondang Sayang ini telah lama bertapak di Tanah Melayu.

Selain itu, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), telah memberi maksud kepada Dondang bahawa Dondang ini membawa maksud nyanyian atau lagu yang boleh menghiburkan hati dan dinyanyikan secara berpasangan secara berbalas pantun secara spontan. Bagi perkataan Sayang pula, ia membawa maksud perilaku yang lemah-lembut serta penuh dengan kemesraan diantara satu sama lain. Hal ini telah membuktikan keunikan yang ada pada Dondang Sayang itu sendiri yang mampu menarik minat pelancong luar untuk mempelajarinya.



## 2.4 Rumusan Bab

Kesimpulannya, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan mengenai seni persembahan Dondang Sayang. Hal ini membuktikan bahawa seni persembahan ini masih mendapat perhatian serta menunjukkan bahawa masyarakat masih mempunyai nilai budaya yang tinggi terhadap sesuatu yang mempunyai nilai sejarah. Oleh kerana Dondang Sayang ini menggunakan lirik daripada pantun, secara tidak langsung ia dapat menunjukkan bahawa pemikiran masyarakat yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Metodologi kajian.**

Metodologi kajian ini merupakan satu teknik yang khusus yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mengumpul data ketika menjalankan sesuatu kajian dimana metodologi kajian ini menggunakan proses mengumpulkan sesuatu maklumat, mengorganisasi dan menganalisis data. Untuk menjadikan maklumat yang diperolehi tersebut mempunyai sumber yang sahih dan tepat, para pengkaji akan menggunakan beberapa cara seperti mengedar borang soal selidik dan mengadakan temu bual dengan beberapa responden yang tertentu. Oleh hal demikian, dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan dua metod iaitu kualitatif dan kuantitatif.

Kualitatif ini merupakan satu kajian dimana pengkaji akan mendapat maklumat melalui pandangan responden dengan mengemukakan beberapa soalan yang umum dan luas dengan mengadakan temu bual. Bagi kuantitatif pula, ia merupakan data yang boleh diukur dengan menggunakan cara atau alat yang sesuai seperti mengedarkan borang soal selidik kepada responden.

### **3.1 Soal selidik**

Borang soal selidik ini mempunyai soalan-soalan yang berkaitan tentang Dondang Sayang dimana borang soal selidik ini akan diedarkan kepada beberapa responden. Melalui soal selidik ini, pengkaji dapat melihat bagaimana responden menjawab soalan yang diberikan.

### **3.2 Kajian Perpustakaan**

Kaedah ini membantu pengkaji mendapatkan sumber data daripada jurnal, buku rujukan yang berbentuk ilmiah. Dengan adanya sumber ini, ia dapat memberi maklumat tambahan kepada pengkaji dalam membuat kajian berkaitan Dondang Sayang ini serta membuatkan pengkaji dapat melihat sama ada hasil-hasil kajian yang terdahulu mempunyai kaitan atau tidak dengan tajuk yang sedang dikaji.

### **3.3 Kaedah temu bual.**

Temu bual dilakukan untuk mengukuhkan maklumat yang sedia ada dengan menemu bual beberapa responden seperti orang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai Dondang Sayang. Selain itu, temu bual yang dijalankan perlu mengikut protocol yang telah ditetapkan seperti tajuk, pengenalan dan menyatakan soalan-soalan yang relevan.

### 3.4 Rumusan Bab

Melalui kaedah yang digunakan semasa menjalankan kajian ini telah menjadikan maklumat yang diperoleh mudah untuk dianalisis serta tepat. Segala data yang telah dikumpul ini hasil daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan daripada sumber primer dan sekunder.

Oleh hal demikian, semua data ini akan dianalisis dengan baik bagi mencapai objektif dan persoalan kajian serta permasalahan yang timbul semasa menjalankan kajian mengenai Dondang Sayang ini. Dalam masa yang sama, diharapkan kajian ini dapat membantu pengkaji lain yang mengkaji mengenai seni persembahan Dondang Sayang ini.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### **4.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan secara terperinci mengenai analisis data yang dilakukan dan semua dapatan kajian yang diperolehi bagi menjawab objektif kajian yang telah diterangkan dalam bab 1. Analisis ini juga akan menfokuskan kepada objektif kajian dimana kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik bagi melengkapkan kajian ini.

#### **4.1 Kaedah Temu Bual**

**4.1.1 Mengenalpasti sebab yang menyebabkan masyarakat muda kurang berminat dalam perkara yang berkaitan dengan seni persembahan tradisional seperti dondang sayang.**

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan objektif pertama yang terdapat di dalam kajian ini. Oleh hal demikian, pengkaji telah menemubual seorang responden dalam aplikasi “Whatsapp” bagi mengenalpasti sebab yang menyebabkan anak muda kurang berminat dalam Dondang Sayang. Responden tersebut bernama Hasbullah Salam yang berumur 54 tahun. Beliau merupakan anak jati Melaka dan bekerja sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Dol Said, Alor Gajah Melaka. Beliau juga merupakan bekas pensyarah di Institut Pendidikan Perempuan Melayu Melaka dan mempunyai kelulusan dalam bidang muzik di Universiti Sains Malaysia. Encik Hasbullah Salam telah

didedahkan dengan Dondang Sayang sejak kecil lagi dan pernah berkecimpung dalam seni persembahan Dondang Sayang dengan menanggotai kumpulan Dondang Sayang serta mendalami seni ini dari aspek muzikal dan persembahan.


Beliau telah menerangkan beberapa sebab yang menyebabkan anak muda kurang kurang berminat terhadap Dondang Sayang ini. Antaranya ialah masyarakat pada masa kini lebih membuka pintu kepada budaya luar sehingga menyebabkan generasi muda pada masa kini keciciran atau ketinggalan sehingga menyebabkan mereka tidak mengenali budaya warisan mereka sendiri. Selain itu, menurut beliau juga, usaha yang minimal yang dilakukan oleh pihak kerajaan yang berkaitan di mana mereka tidak menguar-uarkan warisan Dondang Sayang kepada generasi muda pada masa kini sehingga menyebabkan mereka lebih tertumpu kepada irama luar seperti Kpop dan sebagainya. Pada peringkat sekolah pula, walaupun ada kurikulum yang berkaitan dengan muzik, namun seni persembahan Dondang Sayang ini tidak disentuh secara mendalam sehingga boleh menjurus kepada kesalahan fakta mengenai Dondang Sayang.

## 4.2 Kaedah Soal Selidik

### 4.2.1 Bahagian A: Demografi Responden.

Antara aspek yang dikaji berkenaan latarbelakang responden ialah seperti berikut:

1. Jantina
2. Umur
3. Bangsa



Graf 4.1: Data responden mengikut jantina


MALAYSIA

KELANTAN

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	20	39.2
Perempuan	32	60.8
Jumlah	51	100

Jadual 4.1: Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

Berdasarkan graf dan jadual 4.1 di atas, dapat dilihat bahawa jumlah kesemua responden mengikut jantina adalah seramai 51 orang dimana sebanyak 20 orang responden tersebut adalah lelaki (39.2%) dan 31 orang adalah responden perempuan (60.8 %).



Graf 4.2: Data responden mengikut umur


KELANTAN



Umur	Bilangan (orang)	Peratus (%)
15-20 Tahun	19	36.5
21-30 Tahun	25	48.1
31-35 Tahun	2	5.8
36-40 Tahun	5	9.6
Jumlah	51	100

Jadual 4.2: Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut umur

Graf dan jadual 4.2 menunjukkan responden terdiri daripada pelbagai umur. Oleh itu, berdasarkan data yang diperolehi menunjukkan bahawa seramai 19 orang responden terdiri daripada umur 15 hingga 20 tahun (36.5%) dan seramai 25 orang responden berumur 21 hingga 30 tahun (48.1%). Selain itu dapat dilihat bahawa hanya 2 orang sahaja responden yang terdiri daripada umur 31 hingga 35 tahun (5.8%) dan 5 orang responden yang berumur 36 hingga 40 tahun (9.6%). Analisis data ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden terdiri daripada masyarakat muda.



Graf 4.3: Data responden mengikut bangsa

Bangsa	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Melayu	42	80.8
Cina	7	13.5
India	0	0.0
Lain-lain	2	5.8
Jumlah	51	100

Jadual 4.3: Jumlah bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa yang berjumlah 51 orang. Berdasarkan data dalam graf dan jadual menunjukkan bahawa responden berbangsa Melayu adalah seramai 42 orang iaitu sebanyak 80.8 % dan

responden bagi bangsa Cina pula seramai 7 orang (13.5%). Data bagi bangsa lain-lai pula adalah seramai 2 orang iaitu (5.8%). Analisis ini menunjukkan bahawa responden berbangsa Melayu adalah lebih ramai berbanding bangsa lain.




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.2.2: Bahagian B: Sejauh mana pengetahuan masyarakat muda dalam seni persembahan Dondang Sayang.**


Bahagian B ini merangkumi soalan-soalan yang diedarkan secara atas talian kepada responden yang terlibat dan soalan tersebut adalah seperti berikut:

1. Dondang Sayang merupakan seni persembahan yang terkenal di Negeri Melaka
2. Secara umumnya, Dondang Sayang membawa makna "menyanyi dengan kasih sayang"
3. Dondang Sayang merupakan nyanyian balada cinta yang dinyanyikan secara spontan dan berpantun.
4. Dondang Sayang dipersembahkan secara berseorangan atau secara berpasangan.
5. Persembahan Dondang Sayang menggunakan beberapa alat muzik seperti biola dan rebana.
6. Terdapat empat jenis Dondang Sayang iaitu Dondang Sayang Melaka, Dondang Sayang Peranakan, Dondang Sayang Tanjung dan Dondang Sayang Pulau Pinang.
7. Dondang Sayang merupakan seni persembahan yang unik yang terkenal di kalangan Melayu dan Cina Peranakan yang terdapat di Melaka.
8. Dondang Sayang mempunyai gabungan ketika dipersembahkan iaitu muzik, busana Melayu dan pantun.
9. Seni Persembahan Dondang Sayang dapat menyumbang kepada sektor pelancongan di Melaka.

10. Dondang Sayang pada masa kini lebih kearah kemodenan dari segi iramanya.




Graf 4.4: Dapatan responden mengenai Dondang Sayang merupakan seni persembahan yang terkenal di Negeri Melaka



	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1.9
Kurang Setuju	0	0.0
Tidak Pasti	8	17.3
Setuju	29	55.8
Sangat Setuju	13	25
Jumlah	51	100

Jadual 4.4: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan 1 iaitu mengenai Dondang Sayang merupakan seni persembahan yang terkenal di Negeri Melaka.

Graf dan jadual di atas menunjukkan bahawa seramai 29 orang responden setuju (55.8%) dan 13 orang responden sangat bersetuju (25%) dengan soalan 1. Selain itu, seramai 8 orang yang tidak pasti (17.3%) dan hanya 1 responden sahaja yang tidak setuju (1.9%). Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden setuju dengan pernyataan 1.




Graf 4.5: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-2 iaitu secara umumnya, Dondang Sayang membawa makna "menyanyi dengan kasih sayang"

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	2	3.9
Tidak Pasti	5	9.8
Setuju	32	62.7
Sangat Setuju	12	23.5
Jumlah	51	100

Jadual 4.5: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke- 2 iaitu mengenai secara umumnya, Dondang Sayang membawa makna "menyanyi dengan kasih sayang"

Graf dan jadual menunjukkan analisis responden mengenai pernyataan ke-2 iaitu secara umumnya, Dondang Sayang membawa makna "menyanyi dengan kasih sayang". Dapat dilihat bahawa hanya 2 responden sahaja yang kurang setuju (3.9%) manakala seramai 32 orang responden setuju (62.7). seterusnya, dapat dilihat juga sebanyak 12 orang responden sangat setuju (23.5%) dan hanya 5 (9.8) orang sahaja responden yang tidak pasti.






Graf 4.6: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-3 iaitu Dondang Sayang merupakan nyanyian balada cinta yang dinyanyikan secara spontan dan berpantun.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	1	3.8
Tidak Pasti	15	28.8
Setuju	23	44.2
Sangat Setuju	12	23.1
Jumlah	51	100

Jadual 4.6: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke- 3 iaitu Dondang Sayang merupakan nyanyian balada cinta yang dinyanyikan secara spontan dan berpantun.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis responden terhadap pernyataan yang ke-3. Dapat dilihat bahawa seramai 23 orang responden setuju (44.2%) dan 15 orang responden tidak pasti (28.8%) dengan pernyataan yang ke-3. Seterusnya, hanya 1 orang (3.8%) responden sahaja yang kurang setuju dan seramai 12 orang responden (23.1%) sangat bersetuju. Hasil dapatan ini jelas menunjukkan bahawa 44.2% responden setuju bahawa Dondang Sayang merupakan nyanyian balada cinta yang dinyanyikan secara spontan dan berpantun.




Graf 4.7: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-4 iaitu Dondang Sayang dipersembahkan secara berseorangan atau secara berpasangan.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	2	3.8
Kurang Setuju	1	1.9
Tidak Pasti	10	19.2
Setuju	28	55.8
Sangat Setuju	10	19.2
Jumlah	51	100

Jadual 4.7: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke- 4 iaitu

Dondang Sayang dipersembahkan secara berseorangan atau secara berpasangan.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis data responden mengenai pernyataan ke-4 iaitu Dondang Sayang dipersembahkan secara berseorangan atau secara berpasangan. Hal ini dapat dilihat bahawa seramai 28 orang responden setuju (55.8%) dan 10 orang responden (19.2%) sangat setuju dengan pernyataan yang dikemukakan. Selain itu, 10 orang responden (19.2%) merasa tidak pasti dan hanya 1 orang responden (1.9%) sahaja yang kurang setuju. Dapatan ini juga jelas menunjukkan bahawa 55.8% orang responden setuju dengan pernyataan yang dianjurkan oleh pengkaji.




Graf 4.8: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-5 iaitu persembahan Dondang Sayang menggunakan beberapa alat muzik seperti biola dan rebana.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	2	3.9
Tidak Pasti	12	23.5
Setuju	25	49
Sangat Setuju	12	23.5
Jumlah	51	100

Jadual 4.8: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-5 iaitu persembahan Dondang Sayang menggunakan beberapa alat muzik seperti biola dan rebana.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis jumlah dan peratusan responden terhadap pernyataan ke-5 iaitu persembahan Dondang Sayang menggunakan beberapa alat muzik seperti biola dan rebana. Hasil daripada analisis tersebut dapat dilihat bahawa 25 orang responden (49%) setuju dan 12 orang responden (23.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan yang diberikan. Selain itu, dapat dilihat juga hanya 2 orang sahaja responden (3.9%) kurang setuju dan 12 orang responden (23.5%) tidak pasti. Hasil daripada dapatan ini dapat dilihat bahawa 49% responden setuju dengan pernyataan yang dikemukakan kepada mereka.




Graf 4.9: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-6 iaitu terdapat empat jenis Dondang Sayang iaitu Dondang Sayang Melaka, Dondang Sayang Peranakan, Dondang Sayang Tanjung dan Dondang Sayang Pulau Pinang.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1.9
Kurang Setuju	0	0.0
Tidak Pasti	24	46.2
Setuju	19	36.5
Sangat Setuju	7	15.4
Jumlah	51	100

Jadual 4.9: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-6 iaitu terdapat empat jenis Dondang Sayang iaitu Dondang Sayang Melaka, Dondang Sayang Peranakan, Dondang Sayang Tanjung dan Dondang Sayang Pulau Pinang.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis dan peratusan responden terhadap pernyataan ke-6 iaitu terdapat empat jenis Dondang Sayang iaitu Dondang Sayang Melaka, Dondang Sayang Peranakan, Dondang Sayang Tanjung dan Dondang Sayang Pulau Pinang. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, dapat dilihat bahawa 24 orang responden (46.2%) tidak pasti dan 19 orang responden (36.5%) setuju dengan soalan tersebut. Selain itu, 7 orang responden sangat setuju (15.4%) dan hanya 1 orang responden sahaja yang tidak setuju. Hal ini dapat dilihat 46.2% responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai jenis-jenis yang terdapat dalam persembahan Dondang Sayang.



Graf 4.10: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-7 iaitu Dondang Sayang merupakan seni persembahan yang unik yang terkenal di kalangan Melayu dan Cina Peranakan yang terdapat di Melaka.




	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	1	1.9
Tidak Pasti	9	17.3
Setuju	32	63.5
Sangat Setuju	9	17.3
Jumlah	51	100

Jadual 4.10: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke- 7 iaitu

Dondang Sayang merupakan seni persembahan yang unik yang terkenal di kalangan

Melayu dan Cina Peranakan yang terdapat di Melaka.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis dan peratusan responden terhadap pernyataan ke-7 iaitu Dondang Sayang merupakan seni persembahan yang unik yang terkenal di kalangan Melayu dan Cina Peranakan yang terdapat di Melaka. Analisis yang diperolehi menunjukkan bahawa 32 orang responden setuju (63.5%) dan hanya 1 responden sahaja (1.9%) yang kurang setuju. Seterusnya dapat dilihat bahawa skala tidak pasti dan sangat setuju mempunyai jumlah responden yang sama iaitu seramai 9 orang (17.3%).




Graf 4.11: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-8 iaitu Dondang Sayang mempunyai gabungan ketika dipersembahkan iaitu muzik, busana Melayu dan pantun.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	2	3.8
Tidak Pasti	4	9.6
Setuju	35	67.3
Sangat Setuju	10	19.2
Jumlah	51	100

Jadual 4.11: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke- 8 iaitu

Dondang Sayang mempunyai gabungan ketika dipersembahkan iaitu muzik, busana  
Melayu dan pantun.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis dan peratusan responden terhadap pernyataan ke-8 iaitu Dondang Sayang mempunyai gabungan ketika dipersembahkan iaitu muzik, busana Melayu dan pantun. Daripada analisis ini dapat dilihat bahawa 35 orang responden (67.3) setuju dan 10 orang responden sangat setuju (19.2) bahawa Dondang Sayang mempunyai gabungan ketika dipersembahkan iaitu muzik, busana Melayu dan pantun. Selain itu, 4 orang responden (9.6%) tidak pasti dan 2 orang responden (3.8%) kurang setuju dengan soalan yang dikemuka




Graf 4.12: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-9 iaitu Seni Persembahan Dondang Sayang dapat menyumbang kepada sektor pelancongan di Melaka.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	2	3.8
Tidak Pasti	3	7.7
Setuju	30	57.7
Sangat Setuju	16	30.8
Jumlah	51	100

Jadual 4.12: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-9 iaitu.

seni persembahan Dondang Sayang dapat menyumbang kepada sektor pelancongan di  
Melaka.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis dan peratusan responden terhadap soalan ke-9 iaitu seni persembahan Dondang Sayang dapat menyumbang kepada sektor pelancongan di Melaka. Seramai 30 orang responden (57.7%) setuju dan hanya 2 orang responden (3.8%) sahaja yang kurang setuju dengan soalan yang diajukan. Selain itu, 3 orang responden (7.7%) kurang pasti dan 16 orang responden (30.8%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut



Graf 4.13: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-10 iaitu Dondang Sayang pada masa kini lebih kearah kemodenan dari segi iramanya.


	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1.9
Kurang Setuju	2	3.8
Tidak Pasti	14	28.8
Setuju	23	44.2
Sangat Setuju	11	21.2
Jumlah	51	100

Jadual 4.13: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-10 iaitu

Dondang Sayang pada masa kini lebih kearah kemodenan dari segi iramanya.

Graf dan jadual di atas menunjukkan analisis dan peratusan responden terhadap pernyataan ke-10 iaitu Dondang Sayang pada masa kini lebih kearah kemodenan dari segi iramanya. Dapatan ini menunjukkan bahawa seramai 23 orang responden (44.2%) setuju dan 11 orang responden (21.2%) sangat setuju bahawa Dondang Sayang pada masa kini lebih kearah kemodenan dari segi iramanya. Selain itu, dapat dilihat juga 14 orang responden (28.8%) tidak pasti dan 2 orang responden (3.8%) kurang setuju manakala hanya 1 responden (1.9%) sahaja tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

**4.2.3: Bahagian C: Mengenalpasti Langkah Yang Terbaik Dalam Menarik Minat Masyarakat Muda Dalam Meneruskan Persembahan Dondang Sayang.**




Graf 4.14: Dapatan responden mengenai pernyataan 1 iaitu memperkenalkan subjek seni dan budaya di peringkat sekolah dan universiti



	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	2	3.8
Tidak Pasti	3	7.7
Setuju	28	53.8
Sangat Setuju	18	34.6
Jumlah	51	100

Jadual 4.14: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan 1 iaitu memperkenalkan subjek seni dan budaya di peringkat sekolah dan universiti

Graf dan jadual di atas menunjukkan jawapan setuju bagi pernyataan 1 dimana seramai 28 orang responden (53.8%) manakala seramai 18 orang responden (34.6%) sangat setuju dengan pernyataan 1. Selain itu, hanya 2 responden (3.8%) sahaja yang kurang setuju dan 3 orang responden (7.7%) tidak pasti dengan pernyataan yang diberikan. Seterusnya, tiada responden yang direkodkan bagi jawapan tidak setuju.




Graf 4.15: Dapatan responden mengenai pernyataan ke- 2 iaitu membuat promosi kesenian secara kreatif disertai dengan aktiviti yang menarik.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	1	2
Tidak Pasti	2	3.9
Setuju	28	54.9
Sangat Setuju	20	39.2
Jumlah	51	100

Jadual 4.15: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-2 iaitu

membuat promosi kesenian secara kreatif disertai dengan aktiviti yang menarik.

Graf dan jadual di atas menunjukkan jawapan untuk setuju adalah seramai 28 orang responden (54.9%) manakala 20 orang responden (39.2%) sangat setuju. Bagi jawapan tidak pasti pula adalah seramai 2 orang iaitu bersamaan dengan 3.9% dan hanya seorang responden (2%) sahaja yang kurang setuju dengan pernyataan ke-2. Dari analisis ini juga dapat dilihat bahawa tiada jawapan bagi tidak setuju direkodkan.




Graf 4.16: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-3 iaitu menggunakan media sosial seperti "Facebook" untuk mempengaruhi masyarakat muda.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	1	1.9
Kurang Setuju	1	1.9
Tidak Pasti	5	11.5
Setuju	22	42.3
Sangat Setuju	22	42.3
Jumlah	51	100

Jadual 4.16: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-3 iaitu menggunakan media sosial seperti "Facebook" untuk mempengaruhi masyarakat muda.

Graf dan jadual telah menunjukkan jawapan bagi setuju dan sangat setuju mempunyai bilangan responden yang sama iaitu seramai 22 orang yang bersamaan dengan 42.3%. Selain itu, jawapan bagi kurang setuju dan tidak setuju juga mempunyai bilangan responden yang sama iaitu seorang responden (1.9%) manakala bagi jawapan tidak pasti pula hanya 5 orang responden (11.5%) sahaja yang direkodkan.




Graf 4.17: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-4 iaitu ibu bapa perlu memainkan peranan dalam memperkenalkan seni dan budaya kepada anak-anak.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	3	5.8
Tidak Pasti	5	11.5
Setuju	24	46.2
Sangat Setuju	19	36.5
Jumlah	51	100

Jadual 4.17: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-4 iaitu ibu bapa perlu memainkan peranan dalam memperkenalkan seni dan budaya kepada anak-anak.

Graf dan jadual menunjukkan bagi pernyataan ke-4, seramai 24 orang responden (46.2%) setuju manakala 19 orang responden (36.5%) memberikan jawapan sangat setuju. Selain itu, jawapan untuk tidak pasti lebih tinggi iaitu 5 orang responden (11.5%) berbanding dengan jawapan kurang setuju iaitu hanya 3 responden (5.8%) dan jawapan bagi tidak setuju tidak direkodkan.



Graf 4.18: Dapatan responden mengenai pernyataan ke-5 iaitu pengiat seni perlu lebih kreatif dalam mempamerkan seni persembahan Dondang Sayang seperti menggabungkan elemen tradisional dan moden.

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Tidak Setuju	0	0.0
Kurang Setuju	0	0.0
Tidak Pasti	5	9.8
Setuju	23	45.1
Sangat Setuju	23	45.1
Jumlah	51	100

Jadual 4.18: Analisis jumlah dan peratusan responden berdasarkan pernyataan ke-5 iaitu pengiat seni perlu lebih kreatif dalam mempamerkan seni persembahan Dondang Sayang seperti mengabungkan elemen tradisional dan moden.

Graf dan jadual di atas menunjukkan bahawa jawapan bagi setuju dan sangat setuju merekodkan jumlah responden yang sama iaitu seramai 23 orang responden (45.1%) manakala bagi jawapan tidak pasti hanya 5 orang responden (9.8%) sahaja yang direkodkan. Selain itu, dapat dilihat tiada rekod yang dinyatakan bagi jawapan kurang setuju dan tidak setuju.

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir yang terdapat di dalam kajian ini dimana bab ini akan membincangkan dapatan kajian serta membentangkan cadangan-cadangan yang boleh digunakan untuk mengekalkan warisan ini.

#### 5.1 PERBINCANGAN

Perbincangan yang dilakukan adalah berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi semasa kajian ini dibuat iaitu mengenai pengetahuan masyarakat muda dalam seni persembahan Dondang Sayang dan langkah yang terbaik dalam menarik minat masyarakat muda dalam meneruskan persembahan Dondang Sayang.

##### 5.1.1 Pengetahuan masyarakat muda dalam seni persembahan Dondang Sayang.

Hasil daripada dapatan kajian mendapati kebanyakan responden yang terdiri daripada masyarakat muda mempunyai pengetahuan yang luas dalam seni persembahan Dondang Sayang. Hal ini dapat dilihat kebanyakan responden bersetuju dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji serta hal ini sekaligus dapat menunjukkan bahawa walaupun seni persembahan Dondang Sayang ini hampir pupus dalam kalangan masyarakat muda, namun mereka masih lagi mengetahui apa yang dimaksudkan dengan seni persembahan Dondang Sayang.



5.1.2 Langkah yang terbaik dalam menarik minat masyarakat muda dalam meneruskan persembahan Dondang Sayang.

Terdapat beberapa langkah yang boleh dilakukan dalam menarik minat masyarakat muda dalam meneruskan seni persembahan Dondang Sayang. Antaranya ialah dengan memperkenalkan irama asli atau mengubah semula lagu tersebut dalam bentuk kontemporari untuk menjadikan ia lebih segar apabila didengar. Selain itu, pelajar sekolah perlu diperkenalkan dengan irama Melayu Tradisional untuk membolehkan mereka memahami konteks irama Dondang Sayang dengan lebih mendalam seperti dari segi bentuk nyanyian serta pantun yang digunakan di dalam seni persembahan ini. Hal ini secara tidak langsung boleh menimbulkan minat dalam diri mereka untuk mempelajari seni persembahan ini kerana Dondang Sayang ini juga mempunyai keistimewanya yang tersendiri.

## 5.2 CADANGAN

Hasil yang daripada perbincangan mengenai kajian yang dijalankan, pengkaji ingin memberi beberapa cadangan untuk memastikan seni persembahan yang menjadi salah satu warisan negara ini terus dipelihara hingga ke generasi yang akan datang.

### 5.2.1 Didedahkan kepada kekayaan warisan budaya.

Pelbagai kaedah atau cara yang boleh dilakukan untuk memastikan setiap masyarakat terutamanya masyarakat muda ini mengetahui warisan yang menjadi khazanah negara. Antara usaha yang boleh dilakukan oleh pihak tertentu ialah dengan menganjurkan wawancara, kempen atau pameran dimana cara ini boleh membantu menghidupkan

kembali warisan budaya yang hampir hilang ditelan zaman serta dapat membantu masyarakat lebih memahami budaya mereka sendiri.

### **5.2.1 Perlu diterapkan melalui latihan.**

Penglibatan masyarakat muda dalam mengekalkan warisan negara amat penting kerana mereka merupakan tulang belakang sesebuah negara serta menjadi pelapis dalam warisan budaya. Hal ini boleh dilakukan dengan mengadakan latihan yang melibatkan seni persembahan tradisional seperti Dondang Sayang, Mak Yong, Zapin dan sebagainya. Pihak tertentu seperti pihak sekolah boleh mengadakan aktiviti atau pertandingan seperti pertandingan tarian tradisional. Hal ini demikian kerana ia membantu mengembangkan warisan tradisional serta mampu memupuk minat mereka yang boleh membuatkan masyarakat muda ini lebih mengenali dengan lebih mendalam mengenai sesuatu warisan tradisional.


### **5.3 KESIMPULAN.**

Secara kesimpulannya, dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan mengenai dapatan kajian secara ringkas serta mengemukakan beberapa cadangan dalam mengekalkan sesuatu warisan budaya dalam masyarakat muda terutamanya seni persembahan Dondang Sayang ini. Hal ini demikian kerana Dondang Sayang ini melambangkan nilai perpaduan dan permuafakatan masyarakat di Negeri Melaka. Walaupun Negeri Melaka mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan berlainan agama, namun semangat mereka dalam nilai kebersamaan sangat memuaskan. Hal ini dapat dilihat pada perkembangan Dondang Sayang di Melaka dimana bukan hanya kaum Baba Nyonya sahaja yang mempraktikkan Dondang Sayang ini tetapi turut dipraktikkan oleh kaum lain yang terdapat di Melaka. Oleh


hal demikian, seni persembahan Dondang Sayang ini perlu dipelihara sebaik mungkin agar ia dapat dikenali oleh generasi yang akan datang.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## Rujukan

- Ahmad. M.Y (2004). *Dondang Sayang*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)
- Melaka.K (2019). *Dondang Sayang Hiburan Sepanjang Zaman*.  
<https://melakakini.my/dondang-sayang-hiburan-sepanjang-zaman/>
- Mohd. S.M (2016). *Impak Pengkomersialan Pelancongan Seni Dondang Sayang Dari Budaya Masyarakat Baba Dan Nyonya di Melaka*
- Mohd. N (2016). *Seni Persembahan Dondang Sayang Penyumbang Kepada Pelancongan Budaya di Melaka*. 1-105.
- Yusniza. (2015). *Bab 3: Metodologi Kajian*.  
<https://yuslaintan.wordpress.com/2015/03/31/bab-3-metodologi-kajian-2/>

2/

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN